

01/09/2001

UKM anjur pameran P&P selama empat hari

UNIVERSITI Kebangsaan Malaysia (UKM) akan menganjurkan Pameran Penyelidikan dan Pembangunan (P&P) Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) 2001, selama empat hari bermula 25 Oktober ini, di Dewan Tun Razak 3, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), Kuala Lumpur.

Pameran P&P dengan kerjasama Kementerian Pendidikan itu bertujuan mempromosikan hasil dan kekuatan penyelidikan IPTA yang menjadi teras kepada universiti sekali gus memasarkan kepakaran penyelidikan kepada pasaran dalam dan luar negara.

Program itu adalah susulan saranan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya satu pameran di peringkat kebangsaan diadakan membabitkan semua IPTA bagi mempamerkan hasil penyelidikan daripada aktiviti P&P masing-masing.

Malahan pihak kerajaan turut memperuntukkan berjuta-juta ringgit kepada IPTA untuk menjalankan penyelidikan terutama sekali melalui geran bidang keutamaan dan geran jangka pendek.

Ini kerana, sebahagian daripada projek penyelidikan yang diluluskan telah menghasilkan penemuan bermutu tinggi sama ada dari sudut keilmuan, inovasi produk mahupun produk baru.

Selain itu, pameran ulung itu juga dijangka dapat meningkatkan keyakinan sektor industri terhadap kepakaran dan kemudahan penyelidikan sedia ada di universiti serta membuktikan kemampuan IPTA dalam hasil kajian mereka.

Sesungguhnya, pameran yang merangkumi semua aktiviti penyelidikan di semua IPTA itu termasuk bidang sains dan teknologi dan sains sosial itu mampu menarik dan menjalin kerjasama dengan semua pihak yang berkaitan.

Pameran yang terbuka kepada semua IPTA dan syarikat swasta yang berminat itu diharap mampu meningkatkan keyakinan dan kesedaran orang awam tentang kepakaran dan sumbangan IPTA kepada masyarakat menerusi penyelidikan dan tidak terhad dalam bidang pendidikan semata-mata.

Institusi atau agensi yang berminat menyertai pameran itu perlu memenuhi beberapa kriteria penyertaan termasuk projek penyelidikan yang dihasilkan mempunyai nilai inovasi dan komersial yang tinggi dan dijalankan secara kerjasama antara pihak universiti dan syarikat swasta.

Selain itu, perkhidmatan yang ditawarkan oleh universiti kepada pihak luar merangkumi rundingan dan kepakaran dalam bidang penyelidikan utama seperti agro-industri, tenaga-mineral, pembuatan, perkhidmatan-teknologi maklumat, kesihatan, alam sekitar, sains-kejuruteraan dan sosial sains-ekonomi.

Sasaran pelawat yang akan mengunjung pameran ini adalah terdiri daripada penyelidik, agen promosi hasil penyelidikan, pelabur, pelajar dan masyarakat umum selain kementerian dan agensi berkaitan.

Sehubungan itu, orang ramai yang ingin menyertainya boleh mendapatkan keterangan lanjut dengan menghubungi Penolong Pendaftar Pusat Pengurusan Penyelidikan, UKM, Mohd Mahyuddin Darus di talian 03-8929102 atau faksimili 03-89254550.

(END)